

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

SIP SUBSIDI UPAH BERSASAR

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

BIL. 7/2021 | 30 DISEMBER 2021

1. Apakah Program SIP Subsidi Upah Bersasar (PSU 5.0)?

- PSU adalah bantuan kewangan yang dibayar kepada majikan setiap perusahaan bagi setiap pekerja tempatan.
- Tujuan PSU ialah untuk membantu majikan yang terkesan dari segi ekonomi akibat COVID-19 serta penutupan operasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan bagi semua perusahaan.

JENIS	PERUNTUKAN	TARIKH PERMOHONAN	SEKTOR SASARAN	HAD BIL PEKERJA SETIAP TUNTUTAN	TEMPOH SUBSIDI UPAH
SIP SUBSIDI UPAH BERSASAR (PSU 5.0)	BAJET 2022	1 Januari 2022 – 31 Mac 2022 <small>*Tertakhluk kepada dana kerajaan</small>	Sektor pelancongan dengan penurunan pendapatan >30%	500 pekerja	<ul style="list-style-type: none"> 3 bulan
PSU 4.0	PEMULIH	1 Ogos 2021 – 30 Oktober 2021	Semua sektor	500 pekerja	<ul style="list-style-type: none"> 2 bulan
			Sektor dalam senarai negatif		<ul style="list-style-type: none"> 2 bulan tambahan

JENIS	PERUNTUKAN	TARIKH PERMOHONAN	SEKTOR SASARAN	HAD BIL PEKERJA SETIAP TUNTUTAN	TEMPOH SUBSIDI UPAH
PSU 3.0	BELANJAWAN 2021 (PSU3.0 BERSASAR)	1 Januari 2021 – 30 Jun 2021	Sektor pelancongan & runcit	500 pekerja	<ul style="list-style-type: none"> • 3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada • 6 bulan bagi permohonan baru
	PERMAI (PSU3.0 PERMAI)	19 Januari 2021 – 30 Jun 2021	Semua sektor di negeri yang terlibat dengan PKP		1 bulan sahaja
	PEMERKASA (PSU3.0 PEMERKASA)	1 April 2021 – 30 Jun 2021	Sektor pelancongan & runcit serta perniagaan lain yang ditutup semasa PKP2.0		<ul style="list-style-type: none"> • 3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada dan baru
	PEMERKASA+	1 Jun 2021 – 31 Julai 2021	Semua sektor		<ul style="list-style-type: none"> • 1 bulan tambahan bagi majikan sedia ada dan baru
PSU 2.0	KITA PRIHATIN	1 Oktober 2020 – 31 Disember 2020	Semua sektor	200 pekerja	<ul style="list-style-type: none"> • 3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada • 6 bulan bagi permohonan baru
PSU 1.0	PRIHATIN dan PENJANA	1 April 2020 – 30 September 2020	Semua sektor	200 pekerja	• 6 bulan

2. Bilakah PSU 5.0 mula berkuatkuasa?

- PSU 5.0 BAJET 2022 berkuatkuasa pada **1 Januari 2022**.

3. Bilakah tarikh akhir permohonan PSU 5.0 2022?

- Tarikh akhir permohonan PSU 5.0 BAJET 2022 adalah pada **31 Mac 2022** dan tertakhlu kepada peruntukan dana kerajaan di bawah BAJET 2022.

4. Apakah syarat kelayakan majikan untuk memohon SIP Subsidi Upah Bersasar dan faedah yang akan diterima?

- Sila rujuk Jadual 1 seperti berikut:

JADUAL 1: KELAYAKAN DAN FAEDAH PSU 5.0 DI BAWAH BAJET 2022

a) Had Bilangan Pekerja yang Boleh Dituntut	
Bilangan Maksima	500 pekerja
b) Kadar Bayaran bagi majikan	
Sedia ada dan Baru	<ul style="list-style-type: none">RM600 sebulan setiap pekerja selama 3 bulan bagi sektor pelancongan yang mengalami penurunan pendapatan sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah jualan atau pendapatan
c) Syarat-Syarat Kelayakan:	
Kadar Penurunan Pendapatan atau Jualan	Kadar penurunan sebanyak 30% atau lebih jumlah jualan atau pendapatan bulan Oktober/November/Disember bagi tahun 2021 berbanding dengan mana-mana bulan pada tahun 2019 / 2020 / 2021 sebelum penularan wabak COVID-19 .
Pendaftaran Majikan	<ol style="list-style-type: none">Majikan dan pekerjanya hendaklah berdaftar atau mencarum dengan PERKESO sebelum 1 Januari 2022.Majikan telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM - Companies Commission of Malaysia) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebelum 1 Januari 2022
Gaji Pekerja	Tiada had gaji pekerja
Syarat-Syarat Lain	Bagi majikan yang memilih untuk menerima bantuan ini, mereka disyaratkan untuk mengekalkan semua pekerja yang tersenarai dalam permohonan, sepanjang program dijalankan. Majikan dibenarkan untuk mengurangkan waktu bekerja ataupun pengurangan gaji dengan persetujuan bersama pekerja .
Cara Permohonan	Permohonan hendaklah dikemukakan oleh majikan melalui capaian laman sesawang prihatin.perkeso.gov.my

- 5. Apakah syarat dan kelayakan utama yang diletakkan di bawah PSU 5.0?**
- Majikan dan Perusahaan daripada **sektor pelancongan** dan yang berkaitan dengannya.
 - Kadar penurunan **sebanyak 30% atau lebih** jumlah jualan atau pendapatan **bulan Oktober/November/Disember bagi tahun 2021** berbanding dengan mana-mana bulan pada tahun 2019 / 2020 / 2021 sebelum penularan wabak COVID-19.
 - Contohnya, aktiviti perhotelan, penerangan, agensi pelancongan, agensi pengurup wang dan lain-lain perusahaan yang berkaitan dengannya.
 - Senarai aktiviti industri yang berkaitan seperti senarai di **Lampiran A**.
- 6. Sekiranya majikan tidak tersenarai dalam sektor dan aktiviti industri yang layak di bawah PSU 5.0?, adakah rayuan boleh dikemukakan?**
- **Ya.** Majikan dari sektor dan aktiviti industri yang tidak tersenarai dan masih terjejas akibat penularan wabak COVID-19 boleh mengemukakan rayuan secara atas talian melalui pautan <https://eaduansip.perkeso.gov.my/rayuansektornegatif.php>
 - PERKESO berhak menentukan keputusan untuk sebarang permohonan rayuan yang dikemukakan berdasarkan alasan dan dokumen yang munasabah dan keputusan adalah muktamad.
- 7. Siapakah yang TIDAK LAYAK memohon PSU 5.0?**
- Majikan dan pekerja yang belum berdaftar atau mencarum dengan PERKESO selepas **1 Januari 2022**;
 - Majikan atau perusahaan yang mendaftar SSM / ROS / ROB / PBT atau lain-lain pertubuhan dan beroperasi pada atau selepas **1 Januari 2022**;
 - Majikan yang belum berdaftar bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri;
 - Pekerja yang telah diberhentikan kerja;
 - Pekerja yang sedang digajikan di bawah program Insentif Penjana Kerjaya (Hiring Incentive);

- Pekerja sektor awam, badan berkanun persekutuan dan negeri, semua badan berkanun yang diasingkan saraan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan mereka yang bekerja sendiri (tidak mempunyai majikan);
- Pekerja asing dan pegawai dagang (expatriate); dan
- Majikan yang menarik diri dari permohonan **PSU 5.0** selepas permohonan diluluskan oleh PERKESO.

8. Bagi permohonan PSU 5.0, apakah dokumen yang diperlukan?

- Dokumen yang diperlukan ialah:
 - i. Senarai nama pekerja (mengikut syarat kelayakan yang telah ditetapkan)
 - ii. Maklumat akaun bank majikan (salinan muka depan penyata bank sahaja)
 - iii. Maklumat *Business Registration Number (BRN)* yang didaftarkan oleh majikan ketika pembukaan akaun bank. Sila rujuk pihak bank dan memastikan No BRN dan No akaun adalah tepat bagi mengelakkan sebarang kesulitan
 - iv. Salinan pendaftaran SSM / ROS / ROB / PBT atau lain-lain pertubuhan
 - v. Akuan Pengisytiharan PSU 5.0

9. Apakah yang dimaksudkan dengan maklumat *Business Registration Number (BRN)*?

- Maklumat Business Registration Number (BRN) adalah maklumat nombor pendaftaran perniagaan majikan yang didaftarkan oleh majikan ketika pembukaan akaun semasa syarikat di bank.
- Majikan hendaklah berhubung dengan pihak bank masing-masing bagi memastikan BRN yang diberikan adalah yang betul dan tepat.
- Majikan perlu memuat turun borang BRN dari portal PRIHATIN melalui capaian di laman sesawang prihatin.perkeso.gov.my, seterusnya

mengisi, melengkapkan borang dan memuat naik kembali ke laman sesawang tersebut setelah ianya dilengkapkan.

- Maklumat Akaun Bank dan BRN syarikat seperti di atas diperlukan bagi tujuan pembayaran terus ke akaun majikan secara Electronic Fund Transfer (EFT). Kegagalan majikan dalam memberikan BRN yang betul akan melambatkan proses pembayaran subsidi upah.

10. Apakah itu borang Akuan Pengisyiharan PSU 5.0?

- Akuan Pengisyiharan PSU 5.0 ialah suatu dokumen pengesahan dan aku janji secara bertulis bahawa majikan mengesah atau mengisyiharkan perkara-perkara yang terkandung di dalamnya adalah benar dan betul bagi tujuan permohonan PSU 5.0. Borang ini perlu diisi oleh semua majikan yang mengemukakan permohonan.

11. Bagi majikan yang pernah menerima bantuan daripada Program Subsidi Upah (PSU 1.0, PSU 2.0, PSU 3.0 dan PSU 4.0), adakah majikan tersebut perlu mengemukakan permohonan baru?

- **Ya**, semua majikan yang berkelayakan di bawah PSU 5.0 hendaklah mengemukakan permohonan baru di laman web prihatin.perkeso.gov.my.
- **Majikan dikehendaki mengemaskini perubahan maklumat** setelah mendapat bayaran tuntutan bulan-bulan berikutnya, sekiranya berlaku perubahan kepada status keaktifan perniagaan atau bilangan pekerja yang layak melalui sistem.
- Kegagalan majikan tidak melaporkan perubahan tersebut boleh dikenakan tindakan undang-undang.

12. Apakah penambahbaikan pada PSU 4.0 yang dilaksanakan oleh kerajaan berbanding PSU sebelum ini?

- Program ini ditambahbaik dengan penetapan tiada had gaji pekerja pada **PSU 4.0** dan **dikekalkan di bawah PSU 5.0** (sebelum ini had gaji pekerja RM4,000 dan ke bawah setiap bulan). Terhad kepada **500 pekerja** setiap permohonan.
- Majikan juga perlu memasukkan maklumat Subsidi Upah dalam slip gaji pekerja atau memberi notifikasi secara bertulis kepada pekerja berkenaan subsidi upah yang diterima untuk membayar gaji pekerja.

13. Apakah tafsiran gaji yang dimaksudkan bagi permohonan PSU 5.0 ini?

- Tafsiran gaji atau pendapatan adalah mengikut tafsiran gaji di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4]. Semua pembayaran berbentuk wang kepada pekerja dianggap sebagai gaji seperti gaji pokok / kerja lebih masa / komisen / bayaran-bayaran sewaktu cuti tahunan, sakit, bersalin, rehat, kelepasan am dan sebagainya / elaun-elaun insentif, kelakuan baik, sara hidup dan sebagainya / caj perkhidmatan (service charge).

14. Adakah majikan sedia ada yang sedang menerima PSU 1.0, PSU 2.0, PSU 3.0 dan PSU 4.0 perlu mengemukakan permohonan yang baru untuk PSU 5.0?

- Ya. Majikan sedia ada yang sedang atau telah menerima PSU 1.0, PSU 2.0, PSU 3.0 dan PSU 4.0 hendaklah mengemukakan permohonan baru bagi PSU 5.0 di Portal PRIHATIN pada pautan prihatin.perkeso.gov.my memandangkan syarat PSU 5.0 adalah berbeza dengan PSU-PSU sebelum ini.

15. Setelah permohonan PSU 5.0 diluluskan, adakah majikan perlu mengemukakan permohonan yang baru bagi tuntutan yang seterusnya?

- Majikan **tidak perlu** mengemukakan permohonan PSU yang baru bagi tuntutan bulan-bulan berikutnya. Walau bagaimanapun, majikan dikehendaki mengemaskini perubahan maklumat di **prihatin.perkeso.gov.my** jika terdapat perubahan kepada status keaktifan perniagaan atau bilangan pekerja yang layak melalui sistem.
- Sekiranya berlaku perubahan (**pengurangan atau penambahan**) pada senarai nama pekerja, majikan hendaklah mengemukakan perubahan tersebut selewat-lewatnya pada **15 hari bulan pada bulan berkenaan**.
- Permohonan yang mengandungi maklumat yang tidak tepat seperti bilangan pekerja tempatan tidak sama dengan maklumat majikan di PERKESO (Portal ASSIST) atau permohonan yang mengandungi senarai pekerja asing, permohonan tersebut akan dikuiri untuk tindakan selanjutnya. Sehubungan itu, majikan hendaklah mengisi maklumat pekerja tempatan dengan tepat bagi mengelakkan kelewatan pemprosesan permohonan tersebut.
- PERKESO berhak **menolak** sebarang permohonan sekiranya majikan gagal memberikan maklumat yang betul dan tepat.
- Tindakan undang-undang boleh dikenakan terhadap majikan yang mengemukakan permohonan dan tuntutan palsu.

16. Bolehkah majikan yang telah beroperasi sebelum 1 Januari 2022 tetapi tidak berdaftar dengan PERKESO memohon PSU 5.0?

- **Tidak**, mana-mana majikan yang ingin mengemukakan permohonan PSU 5.0 hendaklah berdaftar dengan PERKESO serta SSM, PBT atau lain-lain badan professional sebelum **1 Januari 2022** dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang pekerja.

17. Sekiranya majikan telah berdaftar dengan PERKESO sebelum 1 Januari 2022 dan mempunyai sebahagian pekerjanya yang telah mula bekerja pada 1 Februari 2022 tetapi belum berdaftar dengan PERKESO. Adakah majikan layak untuk memohon PSU 5.0 ?

- **Ya**, majikan layak untuk mengemukakan permohonan PSU 5.0 Namun begitu, pekerja hendaklah merupakan seseorang yang telah mula bekerja dan berdaftar di bawah majikan tersebut sebelum **1 Januari 2022** dan majikan hendaklah mendaftarkan pekerja tersebut dengan PERKESO (Portal ASSIST) terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan bagi bulan berkenaan.

18. Sekiranya majikan sedang menerima bantuan PSU 4.0, adakah majikan layak untuk mengemukakan permohonan PSU 5.0?

- **Ya**, majikan layak untuk mengemukakan permohonan PSU 5.0 jika memenuhi syarat kelayakan di Jadual 1 (Soalan 4(c)) sebelum 31 Oktober 2021. Setelah selesai mendapat bantuan PSU yang diluluskan sebelum ini, majikan akan menerima bantuan tambahan seperti yang ditetapkan bagi PSU 5.0.

19. Sekiranya permohonan majikan telah ditolak sebelum ini, adakah majikan layak untuk mengemukakan permohonan PSU 5.0 yang baru diumumkan?

- **Ya**, majikan layak untuk mengemukakan permohonan PSU 5.0 ini dengan membuat permohonan baharu di portal PRIHATIN melalui capaian laman sesawang **prihatin.perkeso.gov.my** dengan memenuhi syarat kelayakan di Jadual 1 (Soalan 4(c)).

20. Sekiranya majikan telah lulus permohonan PSU sebelum ini tetapi sebahagian daripada pekerjanya ditolak kerana tidak memenuhi syarat kelayakan pekerja, adakah majikan layak untuk mengemukakan permohonan PSU 5.0 bagi pekerja tersebut?

- Ya, majikan berkenaan layak untuk mengemukakan permohonan PSU 5.0 bagi pekerja tersebut. Walau bagaimanapun, pekerja tersebut hendaklah memenuhi syarat kelayakan pekerja PSU 5.0 seperti di Jadual 1 (Soalan 4(c)). Subsidi upah yang akan diterima bagi pekerja berkenaan adalah pada kadar **RM600 sebulan** selama **3 bulan** bagi **majikan dan sektor dan aktiviti industri pelancongan dan yang berkaitan dengannya** (Rujuk Lampiran A).

21. Bagaimanakah majikan hendak membuktikan kadar penurunan pendapatan atau jualan sebanyak **30%** peratus atau lebih?

- Majikan boleh membuktikan penurunan pendapatan atau jumlah jualan sebanyak 30% atau lebih dengan menyatakan jumlah berkenaan di dalam permohonan **PSU 5.0** melalui capaian portal **prihatin.perkeso.gov.my** yang menunjukkan kadar penurunan sebanyak **30%** atau lebih jumlah jualan atau pendapatan bulanan **Oktober/November/Disember tahun 2021** berbanding dengan mana-mana bulan pada **tahun 2019 /2020 / 2021** sebelum penularan wabak COVID-19.

- Contoh:

Bulan / Tahun	Hasil Jualan / Pendapatan	Bulan / Tahun Perbandingan	Hasil Jualan / Pendapatan
Jan 2020	RM 100,000	Oktober 2021	RM 69,500
September 2019	RM 120,000	Disember 2021	RM 78,000

*Nota : Bagi majikan yang beroperasi selepas 1 Disember 2021, bulan bermula beroperasi mestilah mencukupi satu bulan (30 hari).

22. **Sekiranya majikan telah membuktikan kadar penurunan pendapatan atau jualan pada permohonan PSU 2.0, PSU 3.0 dan PSU 4.0, adakah majikan perlu membuktikan semula pada permohonan PSU 5.0?**
- **Ya**, majikan perlu membuktikan semula penurunan pendapatan atau jualan bagi kelulusan permohonan PSU 5.0.
23. **Sekiranya terdapat pekerja yang berhenti secara sukarela dengan majikan dan menerima PSU, PSU 2.0, PSU 3.0 dan PSU 4.0, adakah majikan perlu mengemukakan permohonan yang baru?**
- **Tidak**, majikan tidak perlu mengemukakan permohonan yang baru dan **hanya** perlu mengemaskini senarai baru pekerja selewat-lewatnya pada **15 hari bulan pada bulan berkenaan** mengikut kelayakan dengan melalui capaian laman sesawang **prihatin.perkeso.gov.my**.
 - Kegagalan majikan tidak melaporkan perubahan tersebut boleh dikenakan tindakan undang-undang.
24. **Apakah yang boleh dilakukan oleh pekerja sekiranya majikan yang menyertai PSU 5.0 tidak membayar gaji pekerja, memotong gaji, mengarahkan pekerja mengambil cuti tanpa gaji ataupun memberhentikan perkhidmatan pekerja?**
- Pekerja boleh menyemak senarai nama majikan yang telah diluluskan permohonan PSU di laman web PERKESO <https://www.myfuturejobs.gov.my>.
 - Pekerja juga boleh membuat aduan berhubung PSU 5.0 di <https://eaduansip.perkeso.gov.my>.
 - Sebarang masalah perburuhan di luar PSU 5.0, pekerja juga boleh merujuk kepada pihak Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di talian 03-8890 3404 atau 03 -8886 2409 atau emel di jtksm@mohr.gov.my

- 25. Apakah yang boleh dilakukan oleh PERKESO sekiranya menerima aduan daripada pekerja berkaitan isu bayaran gaji dan pemberhentian pekerja setelah bantuan PSU diterima?**
- PERKESO berhak untuk menggantung bayaran dan menuntut semula bayaran yang telah diterima oleh majikan dan tindakan undang-undang boleh diambil terhadap majikan yang gagal memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- 26. Syarikat saya mempunyai pekerja warganegara Malaysia dan juga pekerja bukan warganegara yang berdaftar dengan PERKESO. Bolehkah jumlah pekerja asing tidak dimasukkan dalam kiraan penentuan saiz jumlah pekerja?**
- **Tidak boleh**, majikan perlu mengisyihar jumlah keseluruhan bilangan pekerja yang digaji termasuk pekerja bukan warganegara.
- 27. Adakah majikan atau pemilik syarikat termasuk dalam pengiraan penentuan saiz perusahaan bagi permohonan PSU 5.0?**
- **Tidak**, pengiraan penentuan saiz perusahaan bagi permohonan PSU 5.0 adalah mengikut syarat kelayakan pekerja di bawah Akta 4, PERKESO.
- 28. Bagaimanakah majikan akan dapat mengetahui sama ada permohonan PSU 5.0 telah diterima, diluluskan atau ditolak?**
- Majikan akan menerima No. Rujukan sebaik sahaja permohonan lengkap telah diisi di laman sesawang **prihatin.perkeso.gov.my** dan boleh menyemak status permohonan menggunakan No. Rujukan yang diberikan.
 - Senarai nama majikan yang diluluskan permohonan PSU juga akan dipaparkan di laman web PERKESO **<https://www.myfuturejobs.gov.my>** termasuk bilangan pekerja yang diluluskan.

- 29. Adakah majikan perlu membayar caruman PERKESO dan SIP setelah menerima bantuan PSU 5.0?**
- **Ya**, majikan hendaklah membayar caruman seperitimana yang telah disyaratkan di bawah Akta 4 dan Akta 800.
- 30. Adakah majikan dibenarkan untuk menggunakan sebahagian daripada jumlah bantuan PSU 5.0 yang telah diterima untuk membayar caruman PERKESO dan SIP bagi pihak majikan?**
- **Majikan tidak boleh** menggunakan sebahagian bayaran PSU bagi tujuan syer caruman PERKESO dan SIP majikan.
- 31. Adakah majikan perlu membayar caruman bagi pekerja yang diberi Cuti Tanpa Gaji yang menerima PSU 5.0?**
- **Ya**, majikan masih perlu membayar caruman PERKESO dan SIP seperti biasa semasa dan selepas menerima bayaran PSU sebagaimana gaji pekerja yang dibayar kepada pekerja setiap bulan.
- 32. Adakah pembayaran PSU 5.0 dibayar kepada majikan berdasarkan bilangan kod majikan tersebut atau kepada majikan itu sahaja?**
- PSU 5.0 dibayar kepada majikan berdasarkan kepada pendaftaran dengan pihak yang berkuasa seperti SSM / ROS / ROB / pihak berkuasa perkhidmatan profesional, saintifik atau teknikal / lesen perniagaan dan **tidak** berdasarkan kepada bilangan kod majikan bagi cawangan-cawangan perusahaan tersebut.
 - Permohonan daripada beberapa kod majikan yang berbeza tetapi dengan satu pendaftaran SSM / ROS / ROB / pihak berkuasa perkhidmatan profesional, saintifik atau teknikal / lesen perniagaan yang sama akan dikira sebagai **SATU** permohonan.
 - Sekiranya terdapat lebih daripada satu permohonan daripada dua kod majikan yang berbeza tetapi berdaftar dengan SSM / ROS / ROB / pihak berkuasa perkhidmatan profesional, saintifik atau teknikal / lesen

perniagaan yang sama, maka jumlah bilangan pekerja yang layak adalah berdasarkan saiz pekerja perusahaan **keseluruhan kedua-dua cawangan** permohonan tersebut.

- Had kelayakan bilangan pekerja bagi PSU adalah berdasarkan satu pendaftaran dengan pihak yang berkuasa seperti SSM / ROS / ROB / pihak berkuasa perkhidmatan profesional, saintifik atau teknikal / lesen perniagaan sahaja.

TARIKH KUATKUASA

Soalan Lazim Bil. 7 Tahun 2021 adalah berkuatkuasa mulai 30 Disember 2021. Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000.

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)
30 DISEMBER 2021

JADUAL 2: SENARAI SEKTOR DAN AKTIVITI INDUSTRI YANG LAYAK 3 BULAN DI BAWAH PSU 5.0

BIL.	SEKTOR	AKTIVITI INDUSTRI
1.	Pengangkutan dan penyimpanan	Pengangkutan penumpang antara bandar melalui laluan rel
		Perkhidmatan bas bandaraya
		Perkhidmatan bas ekspres
		Perkhidmatan operasi teksi dan limosin
		Sewa kereta dengan pemandu
		Operasi rombongan, cruise atau bot persiaran
		Operasi feri, teksi air
		Sewaan bot santai dengan krew bagi pengangkutan laut dan pesisir pantai
		Pengangkutan penumpang melalui sungai, terusan, tasik dan laluan air pedalaman lain
		Pengangkutan penumpang melalui udara mengikut laluan dan jadual biasa
		Pengangkutan penumpang tidak berjadual
		Pengangkutan muatan udara mengikut laluan dan berjadual atau tidak berjadual
		Lapangan terbang dan aktiviti kawalan trafik udara
		Aktiviti perkhidmatan asas di padang terbang
2.	Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	Penyewaan peralatan pengangkutan dengan operator untuk tujuan pengangkutan penumpang berkaitan pelancongan
		Penyewaan peralatan pengangkutan udara dengan operator untuk tujuan pengangkutan muatan berkaitan pelancongan
		Operasi kemudahan meletak kenderaan bermotor (medan letak kenderaan-berkaitan pelancongan)
		Perkhidmatan pemunggahan berkaitan pelancongan
		Hotel dan hotel resort
		Motel
		Hotel Apartmen
		Chalet
		Rumah rehat/rumah tetamu
		<i>Bed and breakfast units</i>
		Asrama
		Homestay
		Aktiviti penginapan jangka masa pendek yang

		<p>Iain t.t.t.l.</p> <p>Tapak perkhemahan, taman kenderaan rekreasi dan taman treler</p> <p>Restoran dan restoran yang juga kelab malam</p> <p>Restoran makanan segera</p> <p>Katering makanan</p> <p>Pub, bar, diskو, coffee house, ruang koktel dan karaoke</p> <p>Kenderaan sorong makanan yang bergerak</p> <p>Gerai/penjaja makanan</p>
3.	Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	<p>Aktiviti agensi pengembalaan</p> <p>Aktiviti operator pelancongan</p> <p>Penyewaan dan pemajakan operasi kereta penumpang (tanpa pemandu)</p> <p>Penyewaan dan pemajakan operasi trak, treler pelbagai guna dan kenderaan rekreasi</p> <p>Penyewaan dan pemajakan bot peranginan, kenu, perahu layar</p> <p>Penyewaan dan pemajakan basikal</p> <p>Penyewaan dan pemajakan barang kemas, peralatan muzik, hiasan latar dan kostum</p> <p>Pembersihan keretapi, bas dan kapal terbang</p>
4.	Kesenian, hiburan dan rekreasi	<p>Perkhidmatan penerbit teater, penyanyi kumpulan pancaragam dan hiburan orkestra</p> <p>Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif t.t.t.l.</p> <p>Aktiviti perjudian dan pertaruhan</p> <p>Stadium dan kolam renang, arena luncur ais</p> <p>Padang golf</p> <p>Pusat boling</p> <p>Penganjuran dan operasi acara sukan dalam dan luar bangunan untuk profesional atau amatur oleh organisasi dengan kemudahan sukan sendiri</p> <p>Aktiviti taman hiburan dan taman tema</p> <p>Aktiviti taman rekreatif dan pantai</p> <p>Operasi pesta dan pertunjukan rekreatif semula jadi</p> <p>Operasi kelab malam dan lantai tari</p> <p>Operasi semua jenis muzium</p> <p>Operasi tapak dan bangunan bersejarah</p> <p>Operasi taman botani dan zoologi</p> <p>Operasi rizab semula jadi, termasuk pemeliharaan hidupan liar</p>
5.	Aktiviti perkhidmatan lain	<p>Pencucian dan cucian kering, menggosok</p> <p>Dandan rambut dan penjagaan kecantikan lain</p> <p>Aktiviti sauna, mandian stim, salon mengurut</p>

	Aktiviti sosial seperti perkhidmatan pengiring, temujanji dan biro perkahwinan
	Pengilat kasut, porter, valet memakir kereta
	Money Changer